

# PM mahu IPD Seri Iskandar siap 15 bulan

UM-20/5/2006

SERI ISKANDAR 19 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Bandar Baru Seri Iskandar di sini, yang terbengkalai sejak empat tahun lalu disiapkan oleh kontraktor baru dalam tempoh 15 bulan.

Perunding Arkitek Accadia Architech Sdn. Bhd., Zulkiflie Amir Samad berkata, Perdana Menteri memaklumkan perkara itu kepadanya semasa meninjau sendiri tapak projek yang terbengkalai itu semasa lawatan kerjanya dua hari ke Perak.

Katanya, projek tersebut dijangka disambung semula pembinaannya September ini selepas proses tender semula dilakukan selewat-lewatnya penghujung bulan depan.

Menurut beliau, kos untuk membaik pulih, menyiapkan bangunan lama serta menambah keperluan-keperluan baru di ibu pejabat polis tersebut akan ditentukan oleh penender baru.

"Pada mulanya kos projek ini hanya RM19.1 juta tetapi kontraktor asal iaitu Galore Development Sdn. Bhd. mengemukakan harga tambahan sehingga kosnya meningkat kepada RM22 juta. Sekarang penender baru akan menentukan bajet baru kerana terdapat bangunan lama yang sudah rosak.

"Tambahan pula kontaktor baru perlu menambah unit bangunan baru seperti Jabatan Jenayah Perdagangan dan Lapangan Sasar kerana pelan asal dibuat sudah lama iaitu pada 1998 dan ia perlu ditambah dengan keperluan baru mengikut keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) (KDN) Datuk Ahmad Saleh Sarif dan Ketua Polis Perak, Datuk Zainal Mohd. Tahir.

Zulkiflie memberitahu kompleks perumahan polis yang dibina atas tapak seluas 2710.9 hektar itu dilengkapi 122 unit kediaman anggota, 12 unit berkembar, lima unit banglo, surau, dewan serbaguna dan bangunan ibu pejabat polis.